

Isu ahli UMNO belot dimaklumkan kepada Mahathir

UM 14 DEC 1999

KUALA LUMPUR 13 Dis. — Isu ahli belot yang dikatakan menjadi punca kekalahan mengejut UMNO di beberapa negeri termasuk kejatuhan Terengganu pada pilihan raya umum lalu, telah dimaklumkan kepada presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk tindakan lanjut.

Difahamkan Setiausaha Kerja UMNO, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor menemui Perdana Menteri di Putrajaya hari ini bagi memaklumkan isu itu, termasuk beberapa 'topik pilihan raya umum ke-10' yang akan menjadi agenda mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Sabtu ini.

Tengku Adnan ketika dihubungi mengesahkan beliau menemui Dr. Mahathir tengah hari ini tetapi enggan mengulas butir-butir perbincangan.

"Selain memaklumkan tarikh mesyuarat (MT) dipercepatkan dari 24 Disember ke Sabtu ini, 18 Disember, saya juga ada membawa isu ini (pembelotan ahli UMNO) untuk perhatian Perdana Menteri.

"Bagaimanapun, Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO akan membincangkan isu ini sebelum merujuk kepada MT kelak," katanya kepada *Utusan* hari ini.

Kemerosotan kerusi yang diraih UMNO pada pilihan raya umum 1999 iaitu 72

kerusi berbanding 88 pada 1995, dikatakan banyak berpunca daripada gejala 'menikam dari belakang' yang dilakukan oleh anggotanya sendiri.

Satu kertas kerja *post mortem* sedang disiapkan oleh Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob bagi penilaian MT. Khalil merupakan Pengarah Pilihan Raya Barisan Nasional (BN).

Dalam pada itu, Ketua UMNO Bahagian Bukit Mertajam, Datuk Dr. Ibrahim Saad mendedahkan, beliau mempunyai bukti kukuh ada pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO bahagiannya dan UMNO Permatang Pauh berpaling tadah pada pilihan raya umum lalu.

Disiplin

Senarai penuh pemimpin UMNO yang belot itu kini dalam simpanannya dan akan diserahkan kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti yang akan bermesyuarat, minggu ini.

Dr. Ibrahim yang kalah kepada Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail di Permatang Pauh, mengakui keperitan yang ditanggungnya akibat gejala 'menikam dari belakang.'

"Apalah guna ahli-ahli UMNO bekerja separuh nyawa dan kena maki

semata-mata untuk mempertahankan UMNO, sedangkan tindakan tidak diambil terhadap pembelot-pembelot ini. MT perlu bertindak," tegasnya ketika dihubungi di sini.

Menurut Dr. Ibrahim, beliau amat bersimpati dan 'angkat topi' kepada penyokongnya di Permatang Pauh tetapi sokongan kemenangan itu ditenggelamkan oleh anasir-anasir dayus dalam UMNO.

Mengulas isu sama, Ahli Parlimen Bagan Datoh, Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata, UMNO tidak harus memberi muka kepada mereka yang cuba memecahbelahkan parti.

"Ketaatan diperlukan dalam saat kegentingan. Hanya mereka yang mempunyai semangat UMNO sahaja perlu dikekalkan dalam parti. Biar mempunyai ahli sedikit asalkan benar-benar tulen," katanya.

Menurut bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO itu, tidak ramai ahli UMNO yang belot di Bagan Datoh.

Bagaimanapun, pihaknya sedang mengkaji laporan yang diterima sebelum hasil siasatan dikemukakan untuk pertimbangan MT.